



# MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

## DAFTAR ANAK KARIAH SISTEM eQARYAH

### SYARAT DAN POLISI

#### 1) MATLAMAT

Merekodkan maklumat anak kariah dan tanggungan yang bermastautin dan bermukim di dalam kariah Masjid Albukhary Alor Malai.

#### 2) TUJUAN

Memudahkan pihak Pengurusan Masjid mengenalpasti dengan segera anak-anak kariah untuk tujuan;

- (a) Pengkebumian didalam kawasan tanah perkuburan Masjid Albukhary Alor Malai.
- (b) Proses pra-pendaftaran pernikahan.
- (c) Bantuan fakir miskin / asnaf.
- (d) Bantuan musibah.
- (e) Anugerah kecemerlangan dalam pendidikan.
- (f) Sumbangan kematian anak kariah.
- (g) Sumbangan penyakit kritikal yang sukar di ubati.
- (h) Sumbangan kepada bakal haji kali pertama.

#### 3) KEAHLIAN

- (a) Keahlian terbuka kepada semua penduduk Islam yang tinggal bermastautin didalam Kariah Alor Malai, Alor Star, Kedah.
- (b) Satu keahlian akan mewakili seorang Ketua Keluarga dan Tanggunganya dalam satu rumah kediaman.

#### 4) TANGGUNGAN KETUA KELUARGA

- (a) Isteri (jika berkahwin)
- (b) Ahli keluarga terdekat yang TINGGAL BERSAMA dalam satu rumah kediaman.
  - (i) Anak-anak (yang belum berkahwin) termasuk anak kurang upaya dan anak angkat yang berdaftar.
  - (ii) Cucu yang kematian ibubapa.
  - (iii) Ibu/bapa.
  - (iv) Ibu/bapa mertua.

#### 5) PENDAFTARAN KEAHLIAN

- (a) Permohonan keahlian boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui pautan :  
<https://www.masjidalbukhary.com.my/eqaryah/>
- (b) Lengkapkan maklumat PENDAFTARAN AHLI dengan mengisi;
  - (i) Maklumat Ketua Keluarga
  - (ii) Maklumat Lokasi/Taman
  - (iii) Maklumat Tanggungan
- (c) Pihak Masjid Albukhary Alor Malai boleh mengikut budi bicaranya menerima atau menolak permohonan keahlian tanpa memberikan sebarang sebab.
- (d) Permohonan keahlian yang berjaya akan dimaklumkan melalui E-mel.

#### NOTA PERINGATAN

1. KEAHLIAN dan MANAFAAT adalah tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Masjid Albukhary Alor Malai.
2. Semua MANAFAAT yang dinyatakan diatas terbatal sekiranya Anak Kariah telah berpindah keluar dari Kariah Masjid Albukhary Alor Malai, Alor Setar, Kedah Darul Aman.